




CSSR, UiTMCS 2004 - page 3



inside !

CSSR Awards

Retreat Kualiti

Good Teaching

UiTMCS Expedition

Bengkel Program MBA

PLKN

Prof.Dr. Azni Zain Ahmad

Latihan Khidmat Negara - m.s. 12





Kecil-Kecil Cili Padi... Nomiday Dajie

Nomiday Dajie dilahirkan pada 8 Disember 1983, berdarah Iban, dan berasal dari Bandar Minyak, Miri. Beliau adalah anak kedua di antara tiga orang adik-beradik. Beliau telah menamatkan kursus DBS dan akan meneruskan pelajaran di dalam Ijazah Sarjana Muda (Kepujian)(Pemasaran) pada Jun ini.

IK ingin berkongsi rahsia bagaimana Nomiday dapat mencapai prestasi akademik yang baik walau pun banyak terlibat dalam aktiviti-aktiviti lain termasuk dalam hal menerbitkan Infokampus. Berikut ialah temubual dengan beliau baru-baru ini.

Apakah falsafah anda sebagai pelajar?

Saya percaya, untuk menjadi pelajar yang berjaya di dalam akademik dan aktiviti luar kelas, time management adalah amat penting. Pada mulanya, agak sukar untuk saya membahagikan masa yang ada, kerana terlalu banyak beban yang perlu dipikul. Tetapi galakan dari ibubapa, dorongan dari kawan-kawan, tunjuk ajar dan nasihat dari para pensyarah telah banyak membantu meringankan beban yang ada.

Teknik pembelajaran anda ?

Terdapat beberapa teknik pembelajaran yang saya praktikkan yang ingin saya kongsi bersama para pembaca.

- Pertama sekali kita perlu sedar bahawa

kita bukan belajar kerana ujian, tetapi, kita belajar kerana ilmu pengetahuan. Kalau tidak, kita akan memaksa diri kita untuk belajar.

- Kedua adalah berfikir positif terhadap setiap subjek yang kita belajar. Dengan menetapkan *positive mindset*, kita akan lebih terbuka untuk belajar.

- Ketiga, jangan cuba untuk menghafal fakta sahaja, tetapi cuba fahamkan dan secara automatik, anda akan dapat menjawab soalan dengan lancar.

- Keempat, banyakkannya membaca dari sumber-sumber ilmu yang lain.

Bagaimana dengan aktiviti-aktiviti lain di dalam kampus?

Saya berasa seronok apabila mengikuti aktiviti-aktiviti luar kelas. Ia memberikan saya kepuasan dan peluang untuk berinteraksi dengan staf-staf UiTM dan juga para pelajar dari program yang lain. Di samping itu, saya dapat belajar untuk memajukan diri di dalam *interpersonal communication skill*, *organizational skill* dan juga *leadership skill*.

Masa lapang anda?

Antara pengisian waktu lapang saya adalah membaca dan bermain gitar bersama-sama kawan-kawan. Saya mempunyai beberapa hobi termasuklah di dalam bidang fotografi, menyanyi dan mendengar lagu.

UiTMCS banyak menekankan pada perkembangan sifat kepimpinan. Bagaimana anda memajukan diri dalam hal ini?



Saya berminat di dalam a k t i v i t i

kepimpinan. Seorang individu yang banyak memberi tunjuk ajar (mentor) kepada saya iaitu saudara Awang Saifuluddin bekas YDP MPP UiTMCS. Saiz tubuh yang kecil tidak menghalang saya untuk bergerak lebih maju ke hadapan. Saya mengikuti aktiviti-aktiviti pelajar semata-mata adalah untuk memajukan diri dan rakan-rakan. Salah satu prinsip kepimpinan yang saya pegang sehingga kini adalah "To be a good leader, you must



be a good follower".

B a k a t istimewa anda?

Kelebihan saya ialah saya mem-

punyai pelbagai bakat seperti menyanyi, 2D rekagrafik, bermain gitar dan fotografi. Saya juga mudah bergaul dengan orang kerana saya bersifat terbuka dan *talkative*. Saya juga merupakan sumber idea kepada rakan sekelas saya kerana kelebihan saya untuk melihat "the whole view" ataupun "bird eye view".

Kelemahan Nomiday?

Kelemahan saya adalah di dalam communication skill yang saya rasa perlu diperbaiki lagi.

Sepatah kata untuk rakan-rakan anda?

Akhir kata saya kepada rakan-rakan saya, setiap kita mempunyai tujuan hidup masing-masing. Oleh itu, perlengkapkanlah diri anda dengan pelbagai ilmu dan kemahiran sepanjang perjalanan anda. Gunakanlah masa yang ada untuk buat yang terbaik untuk diri anda dan orang lain.

Pantun untuk wahai rakan-rakanku....

Si monyet comel memakan pisang
Pisang dimakan di atas papan
Tubuh kecil bukan penghalang
Untuk lebih maju ke hadapan

Rosak gusi patah gigi
Gigi dicabut bagai patah rahang
Kata orang jangan dipedulikan
Agar hati sentiasa tenang

Di dalam kolam ada angsa
Angsa jinak putih berseri
Buat baik berpada-pada
Buat jahat jangan sekali



Husband to frustrated wife: "Remember, dear, you must cultivate patience because the hand that rocks the cradle rules the world." Young mother: "Then you come in here, my dear, and rule the world for a while. I'm tired."

Bengkel Program MBA - m.s. 7



Tahniah!

kepada semua pelajar yang berjaya dalam peperiksaan semester lepas.

Syabas!

kepada mereka yang dipilih untuk meneruskan pengajian mereka dalam program ijazah sarjana muda di UiTM.

Selamat Datang!

diucapkan kepada para pelajar baru

Retreat Kualiti 2005 - m.s. 5



Retreat Website - (Next issue)



Sidang Redaksi

Penasihat

Prof Madya Dr. Abd Rahman Deen
Prof Madya Dr Fatimah Bujang

Penyelaras Penerbitan

Yuthandy Maniam
MB 62/Ext 528

Panel Editor

Tenning F. Seling (Ketua)
MB 79/Ext 469

Cindy Wee (Penolong Ketua)
MB 20/Ext 508

Oriah Akir

MB 108/Ext 601

Sharifah Zakiah

MB 199/ Ext 344

Prabha Ramakrishnan

MB 147/Ext 525

Helen Pereira

MB /Ext

Azlina Ghazali

MB 171

Wakil Pelajar

Nomiday Dajie

Rafidah Nawawi

Grafik dan Percetakan

Yuthandy Maniam

Bantuan Teknikal

Abdul Khalid Karim

Sirkulasi

Ahmad Lotfi Ariffin
Sabariah Mohd Apandi

For your convenience - **infokampus2000@yahoo.com**